

Prejudis Amerika Syarikat terhadap umat Islam

Oleh SAPORA SIPON

NAMPAKNYA, persepsi negatif masyarakat Amerika Syarikat terhadap umat Islam berterusan. Tidak ternampak tanda-tanda pandangan masyarakat Amerika Syarikat kepada masyarakat beragama Islam bertambah positif. Jika sikap ini berterusan berlaku, tentu sekali ia akan memberi kesan negatif kepada hubungan antara umat Islam dengan umat agama lain terutama sekali di Amerika Syarikat.

Dilaporkan hasil kajian Gallup yang dibuat pada akhir bulan lalu yang mana ia membabitkan 1,007 responden dewasa Amerika Syarikat lebih mengarah kepada persepsi yang berbentuk negatif rakyat Amerika Syarikat ke atas umat Islam.

Tinjauan terbaru Gallup itu menunjukkan ramai rakyat negara itu masih memandang serong terhadap masyarakat Muslim. Tinjauan itu mendapati termasuk 22 peratus yang tanpa segan silu mengakui tidak mahu berurusan dengan penduduk Islam. Sikap ini memperlihatkan bagaimana rakyat Amerika Syarikat mempunyai prejudis terhadap umat Islam. Sewajarnya pandangan negatif ini tidak berlaku kerana umat Islam adalah umat yang mencintai kedamaian.

Tambah menyedihkan lagi ialah apabila hasil tinjauan itu juga menunjukkan sebanyak 44 per-

atus menganggap agama Islam sebagai terlalu ekstremis. Anggapan ini amat bertentangan dengan ajaran agama Islam yang menentang keganasan.

Jelasnya, satu perkara yang pasti mengenai hasil kajian Gallup itu ialah ia membuktikan masih ramai menaruh syak wasangka atau bersikap prejudis ke atas golongan Muslim.

Syak wasangka ini diperkuatkan lagi dengan sekurang-kurangnya 34 peratus responden beranggapan penduduk Islam menyokong kumpulan Al-Qaeda yang dicanangkan sebagai dalang kejadian 11 September, 2001.

Bukan sahaja mereka mempunyai pandangan negatif terhadap penduduk Islam negara itu, mereka juga meragui keikhlasan penduduk Islam Amerika Syarikat di mana hampir separuh atau 49 peratus responden meragui keikhlasan penduduk Muslim Amerika terhadap negara Barat berkenaan.

Bukti akan sikap prejudis rakyat Amerika ditunjukkan apabila kira-kira empat daripada setiap 10 responden mahukan warga Muslim diberi kad pengenalan khas. Perkaranya ini tidak sewajarnya berlaku di sebuah negara yang mengakui diri sebagai pejuang hak demokrasi.

Dari satu segi, sentimen anti-Islam dipercayai semakin meluas sejak insiden 11 September 2001 apabila Al-Qaeda dituduh merancang serangan di New York.

Antara bukti* yang menunjukkan sikap prejudis ini mungkin boleh dilihat melalui serangan Amerika terhadap Iraq atas alasan senjata pemusnah besar-besaran (WMD). Sehingga ini, selepas menjatuhkan Saddam Hussein, belum ada WMD yang ditemui di negara Teluk itu.

Demokrasi dan pembinaan semula Iraq dan Afghanistan sehingga kini tidak menampakkan apa-apa kemajuan. Malah, di Afghanistan, puak Taliban dilaporkan semakin berpengaruh.

Barat perlu menyedari bahawa umat Islam majoritinya bukanlah pihak yang menyokong keganasan. Sebagai umat yang menyokong keamanan, apa yang paling penting ialah Barat melihat kepada punca-punca mengapa segelintir umat Islam mengambil jalan melakukan keganasan.

Tentu sekali, tanpa sebarang sebab-musabab, tidak akan muncul tindakan golongan pelampau yang dianggap ekstremis.

Islam adalah agama yang amat mementingkan keamanan dan kedamaian. Apa yang berlaku kepada negara Islam dewasa ini seperti serangan ke atas negara-negara yang dilihat tidak menyokong Amerika Syarikat adalah satu yang menyedihkan. Lantas itu, negara Amerika perlu memahami mengapa terdapat segelintir umat Islam yang memilih jalan keganasan sebagai satu usaha memperjuangkan haknya.



INSIDEN 11 September 2001 menimbulkan persepsi negatif terhadap umat Islam di seluruh dunia.